

10/01/2002

KDN rai 230 anak yatim

KIRA-KIRA 230 anak yatim diraikan dalam majlis sambutan hari raya Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang diadakan di sekitar kompleks kementerian itu di Putrajaya, semalam.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merangkap Menteri Dalam Negeri.

Hampir semua menteri Kabinet dan timbalan menteri hadir bersama kira-kira 3,000 hadirin yang terdiri daripada pegawai serta kakitangan KDN selain beberapa kementerian berdekatan.

Pada majlis itu, Abdullah dan Dr Siti Hasmah menyampaikan sumbangan kepada anak yatim berkenaan.

Mereka adalah dari Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin Klang (Peyatim), Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim/Miskin Sungai Pinang dan Asrama Pendidikan Anak Yatim/Miskin Hulu Gadong Rembau.

Yang lain ialah anak yatim Sekolah Kebangsaan Putrajaya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya.

(END)